

22 OCT 1999

Mahathir-Bomba

BOMBA SUKARELA DIPERLUKAN DI SETIAP KAWASAN

JITRA, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata setiap kawasan perlu mempunyai bomba sukarela sendiri supaya kebakaran dapat dikawal dengan lebih cepat.

Katanya bomba sukarela yang biasanya ditubuhkan di pekan-pekan kecil mungkin dapat sampai lebih cepat ke tempat kejadian berbanding pasukan Bomba dan Penyelamat kerana mereka lebih dekat.

Kerajaan amat menghargai bantuan yang diberikan bomba sukarela, katanya.

"Adalah baik mempunyai bomba sukarela.... sementara menunggu pasukan Bomba dan Penyelamat tiba, pasukan bomba sukarela dapat menjalankan kerja awal mengawal kebakaran," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan bantuan bagi membangunkan semula sembilan kedai di Pekan Kodiang yang terbakar 13 Okt lepas.

Sejumlah RM28,000 diterima hari ini daripada MCA dan MIC bahagian Kubang Pasu dan individu. Sumbangan itu disampaikan kepada Dr Mahathir yang kemudiannya menyerahkan kepada jawatankuasa kebakaran.

Dalam kejadian pukul 8 pagi hari itu, pasukan bomba sukarela dari Kodiang dan pekan berdekatan -- Air Hitam dan Megat Dewa -- telah membantu pasukan Bomba dan Penyelamat memadam kebakaran dan mengawal api daripada merebak ke kedai berdekatan.

Dr Mahathir berkata bahawa usaha mengawal kebakaran haruslah dilakukan dengan membina bangunan dari bahan yang tidak mudah terbakar dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga.

Selepas itu, Dr Mahathir melawat seorang rakannya yang tinggal berdekatan tempat kebakaran itu dan melawat bilik gerakan pilihan raya Barisan Nasional kawasan Dewan Undangan Negeri, Kota Siputeh, yang juga terletak di Pekan Kodiang.

Beliau meluangkan masa 10 minit berbual dengan rakannya itu, Mustafa Ahmad, 65, bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Tunjang, yang mewakili parti Perikatan dari 1959 hingga 1969.

Mustafa yang ditemui pemberita berkata beliau uzur kerana sakit di bahagian lutut.

Sementara itu, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meluangkan masa kira-kira 30 minit melawat Galeri Batu dan Seni Lye Huat, di Mukim Hosba.

Turut serta ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Galeri yang dimiliki ahli perniagaan, Lim Lye Huat, 45, menempatkan pelbagai lukisan, batu yang diambil dari sungai, air terjun, gunung dan tasik serta mempamerkan berbagai jenis pokok.

Galeri yang diperbuat daripada kayu, papan dan buluh itu dibina di kawasan seluas 1.8 hektar.

Dalam perjalanan dari Pekan Kodiang ke situ, Perdana Menteri singgah sebentar bagi melawat bilik gerakan pilihan raya BN di Napoh.

-- BERNAMA

MAN NMO